

Pengauditan menyeluruh diadakan

03 APR 1994

Oleh: MOHD. NOR SAMAD, RUHAIDINI KADIR dan ARSHAD SULAIMAN

KOTA KINABALU 2 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, satu pengauditan menyeluruh akan dilakukan bagi memastikan tiada sebarang bentuk penyelewengan telah dilakukan sebelum ini.

Sehubungan dengan itu, beliau menegaskan, sekiranya didapati ada di antara mereka yang melakukan penyelewengan, kerajaan akan mengambil tindakan ke atasnya.

“Perkara pertama selepas kerajaan Barisan Nasional (BN) memerintah, yang harus dibuat ialah untuk menentukan asas-asas pentadbiran yang jelas.

“Selama sembilan tahun Sabah diperintah, kita tidak tahu sama ada undang-undang dan peraturan

an dipatuhi atau tidak. Kita tidak tahu sama ada kedudukan kewangan dan pentadbiran negeri Sabah ini betul atau tidak. Kita tidak tahu siapa yang dapat lesen balak dan sebagainya.

“Oleh itu, maka satu audit akan diadakan untuk menentukan siapa mendapat apa. Kalau penyelewengan berlaku, maka tindakan akan diambil,” tegas beliau semasa berucap di majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Dewan Perdana, Majlis Agama Islam Sabah (MUIS) di sini petang ini.

Gemuruh

Kenyataan Dr. Mahathir ini telah mendapat tepukan yang gemuruh di dewan itu.

Kata, langkah mengaudit yang akan diambil nanti bertujuan untuk mengembalikan Sabah pada keadaan yang lebih sempurna, baik dan teratur.

bah yang tidak diaudit sejak tahun 1989 lagi.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak mempunyai niat untuk membalas dendam kepada mana-mana kaum setelah berkuasa.

Sebaliknya, tegas Per-

dana Menteri, BN akan memastikan semua kaum tanpa mengira bangsa atau agama akan mendapat layanan yang adil dan saksama.

“Kita akan mentadbir Sabah dengan adil dan saksama tanpa mengambil kira mereka bumipute-

Menurut Perdana Menteri, ia bukan bertujuan untuk mengagihkan kekayaan Sabah ke tempat-tempat lain sebaliknya kekayaan itu adalah untuk rakyat Sabah.

Beberapa hari lalu, Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Mohd. Salleh Tun Said telah menyatakan bahawa terdapat sebelas badan berkanun di negeri ini yang belum mengemaskinikan audit mereka sejak tahun 1985.

Menurut Salleh, antara badan berkanun itu ialah Yayasan Sabah dan Sedco yang gagal berbuat demikian sejak tahun 1989.

Salleh yang hairan dengan keadaan ini mahukan semua badan berkanun terlibat memberi penjelasan dalam tempoh dua minggu kepadanya kenapa kelewatan itu boleh berlaku.

Menurut Timbalan Ketua Menteri Sabah itu lagi, ia bertujuan untuk

ra atau bukan bumiputera...” katanya.

“Kerajaan akan menokok tambah peruntukan dari Kerajaan Pusat untuk membangunkan negeri ini. Segala janji yang dibuat oleh BN, ini bukan merupakan janji-janji kosong,” katanya.

memastikan tiada sebarang penyelewengan yang telah dilakukan.

Kabinet Sabah pula dalam mesyuarat pertamanya, Selasa lalu telah meminta Ketua Audit Negara menghantar rombongan audit ke negeri ini untuk mengaudit Yayasan Sa-

Dr. Mahathir yakin, kerajaan negeri sekarang menyedari tanggungjawab mereka untuk membangunkan negeri ini.

Beliau juga meminta rakyat menghapuskan perasaan kedaerahan kerana itu boleh menghalang pembangunan.